



**TIMBALAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002
Faks : 03-88892639
E-mel : farida@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. SIJIL : MY-AR : 4697

Ruj. Kami : JPA.BK(S)173/18 Jld.19(9)
Tarikh : 17 Januari 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan

PINDAAN KUASA MENIMBANG BAGI PELANTIKAN SECARA KONTRAK PESARA DAN PESARA PILIHAN KE DALAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan maklum Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP 2/2008) – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*), menetapkan bahawa kuasa menimbang bagi pelantikan secara kontrak pesara dan pesara pilihan ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti berikut:

Kategori Calon	Kuasa Menimbang
Pesara	YAB PM dengan perakuan KSN
Pesara Pilihan	YAB PM/ YAB TPM dengan perakuan KSN

3. Walau bagaimanapun, selaras dengan hasrat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan serta prinsip *empowerment* dan *delegation of power*, Kerajaan bersetuju supaya kuasa menimbang bagi pelantikan secara kontrak semua pesara (pesara wajib dan pesara pilihan) ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam PP 2/2008 dipinda kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) berkuat kuasa mulai 19 Disember 2012.

4. Cadangan pindaan kuasa menimbang pelantikan ini tidak termasuk pelantikan pesara ke Jawatan Khas yang ditetapkan mengikut Perlembagaan Persekutuan (KSN, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Pelajaran, Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Pengarah Kerja Raya) serta Ketua Setiausaha Kementerian, yang mana kuasa menimbang pelantikan masih dikekalkan kepada YAB Perdana Menteri dengan perakuan KSN.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK FARIDA MOHD ALI)

s.k.

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan